



## Dua beradik antara empat ditahan edar dadah

Oleh [Asrol Awang](#) - Mac 28, 2022 @ 6:17pm

[bhnews@.com.my](mailto:bhnews@.com.my)

KUANTAN: Empat lelaki, termasuk dua beradik ditahan dalam empat serbuan dalam tempoh kira-kira lima jam di sekitar daerah ini, pada 24 Mac lalu.

Ketua Polis Pahang, Datuk Ramli Mohamed Yoosuf berkata, mereka yang ditahan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Pahang itu berumur antara 32 dan 42 tahun.

Katanya, empat serbuan itu bermula jam 5 petang hingga 11.30 malam pada 24 Mac lalu, bermula dengan penahanan seorang lelaki berumur 32 tahun di sebuah rumah di Taman Sri Mahkota, di sini.

"Disusuli penahanan tiga lelaki lain, masing-masing ditahan di sebuah rumah di taman sama, parkir tol Plaza Gambang dan tepi jalan hadapan perhentian bas simpang Lepar Hilir, Gambang, di sini.

"Dengan penahanan empat lelaki itu, polis merampas dadah berjumlah RM76,164 iaitu 2,274.25 gram heroin bernilai RM30,474 dan 1,269.15 gram bernilai RM45,690.

"Nilai sitaan harta pula berjumlah RM559,928 iaitu wang tunai RM91,250, tiga kereta dan lapan motosikal (RM440,100), 19 jam tangan (RM16,500) dan barang kemas (RM12,078).

"Jumlah keseluruhan rampasan dadah dan sitaan harta ialah RM636,092," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, di sini, hari ini.

Ramli berkata, empat suspek kini ditahan reman selama tujuh hari mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah bermula 26 Mac lalu hingga 1 April ini.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 398B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman gantung sampai mati jika disabitkan kesalahan.

"Berdasarkan siasatan, sindiket ini dipercayai memperolehi bekalan dadah heroin dan syabu dari Lembah Klang untuk diedarkan di kawasan FELDA di sekitar Kuantan.

"Dengan penahanan ini, polis Pahang berjaya menumpaskan kegiatan pengedaran dadah di kawasan FELDA sekitar Kuantan yang didalangi oleh warga tempatan.

"Rampasan 2,274.25 gram heroin itu boleh dibekalkan kepada 4,548 penagih dadah dan dadah jenis syabu seberat 1,269.15 gram boleh dibekalkan 2,538 penagih, masing-masing penggunaan dalam sehari," katanya.



Ketua Polis Pahang, Datuk Ramli Mohamed Yoosuf (kanan) menunjukkan rampasan dadah dan sitaan harta di Kuantan.- Foto NSTP/Asrol Awang